



## Pelajar juara catur menang RM50,000

**TUAH.** Kumpulan Gempak Team 1 memenangi Cabaran Catur Bistari KFC Peringkat Kebangsaan 2009/2010 disertai oleh 160 pasukan di Persada, Johor Bahru kelmarin.

Kumpulan itu yang disertai oleh pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya membawa pulang hadiah wang tunai RM50,000 dan piala.

Mereka adalah ketua pasukan Mohammad Norshim Mohamed

Hashim, 21, Nurizzuddin Ahmad Hussin, 22, Tuan Shahlan Tuan Safie, 21, Abdullah Muhamad Nawi, 25 dan Mohd. Azizul Hafiz Andul Sani, 21.

Menurut Norshim, persediaan rapi dibuat sejak tiga bulan lalu.

"Biarpun ada keyakinan, namun tetap berdebar kerana bersaing dengan ramai peserta," katanya.

Hadiah disampaikan oleh Pengerusi KFC, Tan Sri Muhamad Ali Hashim.

**MUHAMAD ALI** (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada Norshim (kanan) pada Cabaran Catur Bistari KFC Peringkat Kebangsaan 2009/2010 di Persada, Johor Bahru kelmarin.